



# HIMPUNAN HADITH AKHIR ZAMAN YANG PERTAMA: NU`AYM BIN ḤAMMĀD AL-MARWAZĪ (M. 228H) DAN KITAB AL-FITAN WA AL-MALĀḤĪM

(An Overview of The First Collection of Hadith of al-Fitan wa al-Malāḥim by Nu`aym bin Ḥammād al-Marwazī (D. 228 H))

Ali Abdul Jalil<sup>1</sup>, Umar Muhammad Noor<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah

## Abstract

*Nu`aym bin Ḥammād is one of the famous scholars who made important contributions in hadith and Islamic belief. His book al-Fitan wa al-Malāḥim is considered the earliest work on great calamities before the end times. However, Nu`aym and his book have been criticized by previous and current hadith scholars. This study was conducted with the aim of studying Nu`aym's character and the position of his book al-Fitan. In order to achieve this goal, a qualitative method is used by analyzing the content that were found in scholarly writings about Nu`aym and the position of his book al-Fitan. This study shows that Nu`aym is a ṣadūq hadith narrator but makes many mistakes. His firmness in opposing the Jahmiyyah group caused him to die in government custody. As for his book, there are several political slanders and natural phenomena that prompted him to write this book al-Fitan. However, hadith scholars stated that this book contains many hadiths that are not reliable, and people must be careful when referring to them.*

**Keywords:** Nu`aym bin Ḥammād, al-Fitan wa al-Malāḥim, jahmiyyah, hadith scholars.

## Article Progress

Received: 14 September 2023

Revised: 24 November 2023

Accepted: 1 December 2023

\*Corresponding Author:

Ali Abdul Jalil.

Fakulti Pengajian Islam,  
Kolej Universiti Islam Perlis

Email:

ali.abduljalil94@yahoo.com

## PENDAHULUAN

Perbincangan tentang hadith-hadith akhir zaman telah menjadi perbincangan masyarakat Islam. Topik ini pernah hangat diperbincangkan semasa pandemik covid-19. Hal itu kerana sesetengah masyarakat mengaitkan fenomena penyebaran wabak dengan peristiwa akhir zaman sehingga mencetuskan keseimbangan tertentu. Walaubagaimana pun, perbincangan tentang tema ini tidak pernah terlepas daripada perbincangan kritik hadith. Hadith-hadith palsu, lemah, dan *isrā`īlīyyāt* sangat sering disertakan dalam perbincangan yang berkaitan dengan akidah ini.<sup>1</sup> Salah satu kitab yang sering dijadikan rujukan ialah kitab *al-Fitan* karya Nu`aym Bin Ḥammād al-Marwazī yang telah mendapat pelbagai kritikan daripada sarjana hadith terdahulu dan terkemudian. Justeru, artikel ini ditulis bertujuan untuk membahaskan perihal ketokohan Nu`aym Bin Ḥammād dalam bidang hadith dan menganalisis kandungan dan kedudukan kitab *al-Fitan* dalam perbincangan fitnah akhir zaman.

Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian ini dijalankan menggunakan metode kualitatif melalui kaedah analisis kandungan yang terdapat dalam tulisan-tulisan para sarjana hadith perihal Nu`aym dan kitabnya *al-Fitan wa al-Malāḥim*. Beberapa kajian lepas telah membahaskan kandungan kitab *al-Fitan* ini. antaranya, kajian Majdī Bin Mansūr Bin Sayyid al-Syūrā dan Mūsā bin Ismā`īl al-Basīṭ telah melakukan takhrij bagi hadith-hadith dalam *al-Fitan*, akan tetapi kajian ini hanya fokus kepada mentakhrij hadith-hadith *marfū` sahaja*.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa Nu`aym diperselisihkan statusnya periwayatannya oleh sarjana hadith. Penulis merumuskan bahawa beliau perawi hadith yang *ṣadūq* namun banyak melakukan

<sup>1</sup> Misbahuddin (2018), 'Problematika Cara Memahami Hadis Akhir Zaman dalam Pandangan Ahl Al-Sunnah wa al-Jamaah', *Ushuluna: Jurnal Ilmu Ushuluddin*, 4/2, 168.

kesilapan. Adapun perihal kitabnya, para sarjana hadith mendapati buku ini banyak mengandungi hadith-hadith yang tidak sahih. Justeru, orang ramai dinasihati agar berhati-hati apabila merujuk kepada kitab ini.

Penulis membahagikan tulisan ini kepada tiga bahagian. Pada bahagian pertama, penulis akan memaparkan metodologi sarjana hadith dalam membincangkan hadith-hadith fitan. Kedua, penulis akan membincangkan status ketokohan Nu`aym Bin Ḥammād dalam ilmu hadith. Ketiga, penulis akan menganalisis kandungan kitab al-Fitan. Perbahasan lalu ditutup dengan sebuah kesimpulan.

## AHLI HADITH DAN HADITH FITAN

Perkataan *al-Fitan* adalah bentuk jamak daripada fitnah. Dari sudut bahasa, perkataan ini memberi maksud “membakar”. Perkataan ini turut digunakan dengan makna ujian, dugaan dan cubaan. Hal itu kerana, menurut Ibn Manzūr, fitnah berasal daripada ungkapan “aku meletakkan perak dan emas di atas api untuk mengasingkan kekotoran daripada yang baik.”<sup>2</sup> Pada perkembangan seterusnya, perkataan *fitan* menjadi istilah yang digunakan ulama untuk merujuk kepada pengkhabaran Nabi SAW tentang peristiwa pada masa hadapan yang mengandungi ujian, kepayahan dan kejadian dahsyat untuk dijadikan sebagai peringatan dan pedoman.<sup>3</sup>

Perbahasan tentang fitnah akhir zaman seolah-olah telah menjadi sebuah cabang khas dalam ilmu hadith. Pelbagai karya telah dihasilkan ulama untuk menghimpun hadith-hadith yang berkaitan dengan tema ini dan menganalisis kandungannya. Dalam membincangkan hadith-hadith fitan, ulama hadith menetapkan kaedah yang perlu diamalkan. Pertama, hadith-hadith tersebut mestilah berstatus sahih ataupun, paling kurang, berstatus *hasan*. Sedia maklum, hadith *da`if* tidak boleh diterima sebagai hujah dalam perbincangan tentang perkara gaib (*ghaybiyyāt*).<sup>4</sup> Kedua, hadith-hadith tersebut perlulah dipastikan berstatus *marfū`* (berasal daripada sabda Nabi SAW) atau dalam hukum *marfu`* (ucapan sahabat yang tidak berasal daripada pandangan atau ijtihad peribadi).<sup>5</sup> Hal itu kerana pengkhabaran tentang fitnah akhir zaman tidak diketahui melainkan menerusi wahyu. Ucapan peribadi sahabat atau riwayat-riwayat *Isrā`īliyyāt* tidak boleh digunakan untuk menetapkan perkara akidah termasuk peristiwa fitnah akhir zaman dan tanda-tanda kiamat. Dari sini, ramai penulis telah melakukan kesilapan apabila menggunakan riwayat-riwayat dari *ahli kitab*<sup>6</sup> untuk mengaitkan segala perkara dengan perkara yang tidak sah untuk dikaitkan<sup>7</sup>.

Selepas menetapkan perkara di atas, para ulama turut menetapkan bahawa hadith-hadith akhir zaman sedapat mungkin mesti difahami secara hakikat. Hadith-hadith tersebut tidak boleh ditafsirkan secara kiasan (*majāz*) melainkan terdapat dalil kuat yang menyokongnya. Mentakwil hadith akhir zaman secara kiasan tanpa dalil adalah satu tindakan yang sering dikritik oleh para ulama. Salah satunya pandangan sesetengah kalangan yang menyatakan bahawa Dajjāl adalah “simbol bagi khurafat, pendustaan dan keburukan yang akan mengubah ketetapan syarak.”<sup>8</sup> Pandangan ini mencetuskan

<sup>2</sup> Al-Anṣārī, Jamāl al-Dīn Ibn Manzūr (1992) *Lisān al-`Arab*, Bab Faṣl al-Fā`, Beirut: Dār al-Ṣādīr, 13, 317.

<sup>3</sup> Muḥammad Sa`īd Ḥawā (2016) ‘Manhaj al-Ta`āmul Ma`a Aḥādīth al-Fitan Wa al-Mustaqbal’, *Mawqif` Faḍīlah al-Syaykh Sa`īd Ḥawā*, <http://www.saidhawwa.com/Portals/Content/?info=YVdROU5qWXpKbk52ZFhKalpUMVRkV0pRWVdkbEpuUjVjR1U5TVNZPSt1.plx>, diakses pada 29 Ogos 2023.

<sup>4</sup> Ibid.

<sup>5</sup> Al-`Asqalānī (2011), *Nuzḥah al-Nazar Fī Tawḍīḥ Nukhbah al-Fikar*, Kaherah: Dār al-Baṣā`ir, 106. Syaraf Maḥmūd Quḍāh (2009), *Kharīṭah al-Mustaqbah Fī al-Ḥadīth al-Nabawīy*, t.tp.: t.pt., 7.

<sup>6</sup> Ahli kitab: mereka ialah orang yahudi dan Kristian. Akan tetapi banyak disandarkan perkataan ini kepada orang yahudi kerana mereka tinggal di Madinah dan sekitarnya. Juga kerana banyaknya israiliyat ini datang daripada mereka. (Lihat: Muḥammad Bin Muḥammad Abū Syahbah (2006), *al-Isrā`īliyyāt Wa al-Mawḍū`āt Fī Kutub al-Tafsīr*, Kaherah: Maktabah al-Sunnah, 13).

<sup>7</sup> Zāhir Bin Muḥammad Bin Sa`īd al-Syahrīy (2008), ‘*Mawqif Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā`ah Min Tanzīl Nuṣūṣ Wa Asyrāt al-Sā`ah*’, Tesis Dr. Fal., Kuliyyah al-Tarbīyah, Universiti al-Malik Sa`ūd, 239.

<sup>8</sup> Muḥammad Rasyīd Bin `Alī Riḍā (1990), *Tafsīr al-Manār*, Kaherah: General Egyptian Book Organization, 3/261. Yūsuf Bin `Abd Allah Bin Yūsuf al-Wābil (1994), *Asyrāt al-Sā`ah*, Dammam: Dār Ibn al-Jawzīy, 316.

bantahan kerana tidak selari dengan keterangan pelbagai hadith yang menceritakan sifat-sifat fizikal Dajjāl secara terperinci.<sup>9</sup>

## KETOKOHAN NU'AYM BIN ḤAMMĀD

Nama penuh beliau ialah Nu'aym Bin Hammād Bin Mu'āwiyah Bin al-Ḥārith Bin Hammām Bin Salamah Bin Mālik al-Marwazī Khuzā'ī<sup>10</sup>. al-Marwazī adalah nisbah beliau kepada bandar Marw.<sup>11</sup> *Kunyah* beliau ialah Abū 'Abdullah. dan dikenali dengan gelaran *al-Fāriḍ* kerana kepakarannya dalam ilmu *farā'id*.<sup>12</sup>

Penulis tidak menjumpai maklumat yang menetapkan secara pasti tarikh dan tempat kelahiran Nu'aym bin Ḥammād. Namun yang pasti, beliau berasal dari Marw yang terletak di Khurasan. Beliau lalu mengembara dalam menuntut ilmu ke Iraq, Ḥijāz, dan Damsyik sebelum menetap di Mesir hingga meninggal dunia.<sup>13</sup> Selama lebih 40 tahun, Nu'aym terkenal sebagai tokoh Sunnah dan perawi hadith yang terpendang di Mesir. Beliau memiliki ramai murid yang mengambil hadith daripadanya termasuk Imam al-Bukhārī yang meriwayatkan hadith beliau dalam kitab *Ṣaḥīḥ* secara *maqrūn* (diganding dengan orang lain).

Selain perawi hadith, Nu'aym bin Ḥammād turut terkenal dengan ketegasannya dalam menentang golongan Jahmiyyah yang tengah giat menyebarkan pandangan mereka pada masa itu. Jahmiyyah adalah sebuah aliran teologi rasional yang diasaskan oleh Jahm bin Ṣafwān al-Rāsibī (m. kira-kira 128/745). Beliau memperkenalkan serangkaian konsep akidah yang menyalahi pegangan Ahli Sunnah wal Jamaah. Beliau antaranya mengatakan bahawa Allah tidak memiliki sifat *kalām* yang qadim dan azali. Sebaliknya, Dia menciptakan kalam setiap kali hendak berkomunikasi dengan makhluk. Jahm turut menolak hadith-hadith yang menceritakan perkara ghaib di akhirat walaupun mencapai darjat *mutawātir*. Beliau menafikan bahawa ahli syurga akan melihat tuhan akhirat, mengingkari syafaat Nabi untuk pelaku dosa besar, dan tidak mempercayai timbangan amal dan titian sirat.<sup>14</sup>

Untuk membendung penyebaran akidah Jahmiyyah, Nu'aym bin Ḥammād dikatakan menerbitkan 13 buku.<sup>15</sup> Kemahiran beliau dalam seluk beluk akidah Jahmiyyah berpunca daripada dua perkara. Pertama, beliau pernah mengikut mazhab Jahmiyyah sebelum berpindah ke mazhab ahli sunnah.<sup>16</sup> Kedua, beliau berguru dengan Abū 'Ismah Nūh bin Abī Maryam al-Jāmi (m. 173/789) yang merupakan murid dan anak tiri Muqātil bin Sulayman (m. 150/767). Muqātil adalah seorang tokoh ulama yang sering berdebat secara langsung dengan Jahm bin Ṣafwān. Beliau melampau dalam menetapkan sifat Allah sebagaimana Jahm melampau dalam menafikannya. Muqātil antaranya mengatakan bahawa tuhan adalah jisim. Tuhan memiliki tubuh berbentuk manusia yang terdiri daripada daging, darah dan tulang. Dia memiliki anggota tubuh seperti tangan, kaki, kepala dan dua mata. Namun begitu, beliau menegaskan bahawa Dia tidak menyerupai sesiapa dan tiada siapa yang menyerupai-Nya.<sup>17</sup>

Oleh yang demikian, kita dapat melihat kesan pemikiran Muqātil dalam bantahan Nu'aym bin Ḥammād kepada akidah Jahmiyyah. Beliau didapati melampau dalam menetapkan sifat sehingga terjerumus kepada akidah yang menyalahi pegangan Salaf. Sebagai contoh, semasa berbincang tentang hadith yang menyebutkan tuhan turun ke langit dunia pada sepertiga malam, Nu'aym menetapkan bahawa "tuhan

<sup>9</sup> Al-Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn (2000), *Qiṣṣah al-Masīh al-Dajjāl wa Nuzūl 'Isā AS wa Qatliḥ iyyāh*, Jordan: al-Maktabah al-Islāmiyyah, 9.

<sup>10</sup> Al-Mizzī, Yūsuf Bin 'Abd al-Raḥmān Bin Yūsuf (1980), *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, Beirut: Muassasah al-Risālah, 29/466.

<sup>11</sup> Al-Baghdādī, Muḥammad Bin Sa'ad (1990), *al-Ṭabaqāt al-Kubrā*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 7/359.

<sup>12</sup> Al-Rāzī, Ibn Abī Ḥātim (1952), *al-Jarḥ Wa al-Ta'dīl*, Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 8/463.

<sup>13</sup> Al-Baghdādī, Muḥammad Bin Sa'ad, *al-Ṭabaqāt al-Kubrā*, 7/359. Ibn 'Asākir 'Alī Bin Hasan (1995), *Tārīkh Dimasyq*, Beirut: Dār al-Fikr, 62/149. Al-Dhabībī Muḥammad Bin Aḥmad Bin 'Uthmān (1963), *Mizān al-'Itidal Fī Asmā' al-Rijāl*, Beirut: Dār al-Ma'rifah, 4/267.

<sup>14</sup> Untuk penjelasan tentang pegangan akidah Jahmiyyah, lihat Umar Muhammad Noor (2021) *Hadith Sifat Polemik Takwil Dalam Sejarah Teologi Islam*, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

<sup>15</sup> Al-Jurjānī, Abū Aḥmad Bin 'Adī (1997), *al-Kāmil Fī Du'afā' al-Rijāl*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 8/251.

<sup>16</sup> Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, 29/469.

<sup>17</sup> Al-Nasshār, 'Alī Shāmi (2013) *Nash'at al-Fikr al-Falsafī fi al-Islām*. Kaherah: Dār al-Salām, 1/326.

turun dengan zat-Nya namun dia kekal di atas kursi-Nya.” Ibn ‘Abd al-Bar mengkritik pandangan ini kerana mengandungi penetapan kaifiat yang selalu dihindari oleh kumpulan cerdik pandai daripada kalangan ahli Sunnah (*ahl al-fahm min ahl al-sunnah*). Beliau turut mengingatkan bahawa perbahasan tentang perkara ghaib wajib merujuk kepada pengkhabaran wahyu (al-Quran dan Sunnah) serta tidak beralih kepada penyerupaan (*tashbīh*), qiyas, permisalan, dan akal pemikiran (*tanẓīr*).<sup>18</sup>

Turut disayangkan, kebencian Nu‘aym bin Ḥammād kepada Jahmiyyah membawa beliau turut mencela Imam Abū Ḥanīfah dan murid beliau Muhammad al-Shaybānī. Bukan hanya itu, beliau dikatakan telah mereka hadith dan cerita untuk memburukkan mereka.<sup>19</sup> Ibn ‘Adī dan Ibn Ḥammād al-Dulābī berkata: “beliau dikritik kerana apa yang beliau katakan tentang *ahli ra’yi*”<sup>20</sup> Bagaimanapun, sesetengah kalangan menafikan dakwaan ini. Hal itu kerana dakwaan tersebut bersumberkan perawi yang *majhūl*.<sup>21</sup>

Sikap keras Nu‘aym bin Ḥammād kepada Jahmiyyah dan ahli ra’yi membuat dirinya termasuk dalam kalangan yang dibenci oleh pihak-pihak tersebut. Justeru, apabila Mu‘tazilah berjaya mempengaruhi Khalifah al-Ma‘mūn untuk melancarkan Miḥnah Khalq al-Quran pada tahun 218 H, Nu‘aym termasuk kalangan yang dipanggil untuk disoal mengenai status al-Qur’ān. Beliau tegas menolak pandangan mereka yang mengatakan bahawa al-Quran adalah makhluk. Akibatnya, beliau dimasukkan ke dalam penjara. Beliau kekal dalam penjara hingga wafat pada tahun 228 H.<sup>22</sup> Menurut Niḥawayh, jenazahnya dicampak ke dalam lubang, tidak dikafankan dan tidak disolatkan.<sup>23</sup>

Dari sudut ilmu periwayatan pula, Nu‘aym bin Ḥammād dikatakan orang pertama yang menulis kitab hadith dalam genre *musnad*. Sebelumnya, ahli hadith mencampur hadith-hadith musnad dengan ucapan sahabat dan tabi’in (*muqaṭṭa‘āt*).<sup>24</sup> Meskipun begitu, ahli hadith berselisih pendapat dalam menentukan status beliau. Sesetengah kalangan menilai beliau perawi *thiqah* seperti Ahmad bin Ḥanbal,<sup>25</sup> Yaḥyā Bin Ma‘īn,<sup>26</sup> dan al-‘Ijlī.<sup>27</sup> Sesetengah kalangan yang lain melemahkan Nu‘aym dengan pelbagai kritikan ringan dan berat. al-Nasā‘ī berkata: “Nu‘aym Bin Ḥammād *da‘īf*”. Dalam riwayat yang lain beliau berkata: “Tidak *thiqah*”<sup>28</sup>. Dalam sebuah riwayat yang lain, al-Nasā‘ī menjelaskan bahawa “beliau banyak *tafarrud* dalam meriwayatkan hadith daripada imam-imam yang terkenal, maka jadilah dia seseorang yang bukan hujah.”<sup>29</sup>

Melihat kepada percanggahan antara ahli hadith dalam memuji dan mengkritik Nu‘aym Bin Ḥammād, Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī mengambil pandangan pertengahan. Beliau menilai tokoh ini “*ṣadūq* namun banyak melakukan kesilapan.”<sup>30</sup> Penulis memilih pandangan ini kerana beberapa hujah. Pertama, Nu‘aym Bin Ḥammād tidak terbukti memalsu hadith. Bahkan ulama hadith *mutaqaddimīn* semisal Yaḥyā bin Ma‘īn secara jelas menyatakan bahawa Yaḥyā Bin Ma‘īn seorang yang jujur dan amanah. Kedua, hadith-Hadith yang diriwayatkan secara silap oleh Nu‘aym Bin Ḥammād telah dikesan dan dikenalpasti oleh ahli hadith. Justeru, selain hadith-hadith silap tersebut adalah *mustaqīm*.<sup>31</sup>

<sup>18</sup> Ibn ‘Abd al-Bar, Yūsuf Bin ‘Abd Allah (1967), *Al-Tamhīd Limā Fī al-Muwaṭṭa‘ Min al-Ma‘ānī Wa al-Asānīd*, Maghribi: Wizārah ‘Umūm al-Awqāf Wa al-Syu‘ūn al-Islāmīyyah, 7/144.

<sup>19</sup> Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā‘ al-Rijāl*, 29/472.

<sup>20</sup> Ibid.

<sup>21</sup> Al-‘Asqalānī, Ahmad Bin ‘Alī Bin Ḥajar (1904), *Tahdhīb al-Tahdhīb*, Hyderabad: Dāirat al-Ma‘ārif al-Nizāmiyyah, 463.

<sup>22</sup> Al-Baghdādī, Muḥammad Bin Sa‘ad, *al-Ṭabaqāt al-Kubrā*, 7/359.

<sup>23</sup> Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā‘ al-Rijāl*, 29/480.

<sup>24</sup> Al-Kattānī, Muḥammad Bin Ja‘far (2018), *al-Risālah al-Mustatrafah*, Beirut: Dār al-Basyā‘ir al-Islāmīyyah, 49.

<sup>25</sup> Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā‘ al-Rijāl*, 29/469.

<sup>26</sup> Al-Dhahabī Muḥammad Bin Ahmad Bin ‘Uthmān (1985), *Siyar A‘lām al-Nubalā‘*, Beirut: Muassasah al-Risālah, 10/597.

Al-Dhahabī, *Mizān al-‘Iṭidal Fī Asmā‘ al-Rijāl*, 4/267.

<sup>27</sup> Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā‘ al-Rijāl*, 29/471.

<sup>28</sup> Ibid, 476.

<sup>29</sup> Ibid.

<sup>30</sup> Al-‘Asqalānī, Ahmad Bin ‘Alī Bin Ḥajar (1986), *Taqrīb al-Tahdhīb*, Syria: Dār al-Rasyīd, 564.

<sup>31</sup> Al-‘Asqalānī, *Taqrīb al-Tahdhīb*, 564.

## ANALISIS KITAB *AL-FITAN WA AL-MALĀHIM*

Tiada perbezaan dalam kalangan ulama bahawa Nu'aym bin Ḥammād pernah mengarang sebuah buku yang bertajuk *al-Fitan wa al-Malāḥim*. Para sejarawan selalu menyebutkan buku ini dalam senarai karya tulis beliau.<sup>32</sup> Bukan hanya itu, Majdī al-Syūrā bahkan mengatakan bahawa kitab *al-Fitan* karya Nu'aym Bin Ḥammād adalah kitab terawal yang ditulis dalam bab fitnah akhir zaman<sup>33</sup>. Selepas beliau, genre ini berkembang dan menghasilkan pelbagai karya seperti *Al-Fitan* oleh Ḥanbal Bin Ishāq Bin Ḥanbal, *Al-Sunan al-Wāridah Fi al-Fitan Wa Ghawā'ilihā Wa al-Sā'at Wa Asyrātihā* oleh 'Uthmān al-Dānī, *Al-Nihāyah Fi al-Fitan Wa al-Malāḥim* oleh Abu al-Fidā' Ibn Kathīr, *Mawsū'ah Aḥādīth al-Fitan Wa Asyrāt al-Sā'ah* yang ditulis oleh 'Abd al-Raḥīm Sa'īd dan Hammām Abd al-Raḥīm dan *Mawsū'ah Fi al-Fitan Wa al-Malāḥim Wa Asyrāt al-Sā'ah* ditulis oleh Muhammad Ahmad Mubayyad.

Nu'aym Bin Ḥammād tidak menyatakan secara jelas mengapa beliau menulis kitab *al-Fitan*. Sebahagian sarjana menyatakan bahawa motif penulisan kitab ini didorong oleh faktor politik pada ketika itu. Menurut Mūsā Ismā'īl<sup>34</sup>, antara fitnah yang berlaku pada ketika itu ialah pembunuhan Ḥusayn Bin 'Alī Bin al-Ḥasan Bin al-Ḥasan Bin al-Ḥasan Bin 'Alī Bin Abī Ṭālib dan rakan-rakannya pada tahun 169. Pada tahun 170, turut berlaku fitnah di Damsyiq antara ahli Mesir dan ahli Yaman. Fitnah ini berpanjangan sehingga tahun 176. Ditambah lagi, peristiwa *mihnah khalq al-Quran* yang memaksa para ulama untuk mengatakan bahawa al-Qur'an makhluk.

Selain daripada fitnah dari politik, terdapat beberapa peristiwa lain yang berkemungkinan mendorong Nu'aym menulis kitab *al-Fitan*. Pada tahun 180, berlaku gempa bumi yang kuat sehinggakan mercu tanda di Iskandariah tumbang. Pada 167, dunia menjadi gelap gelita, kemudian diikuti dengan turunnya hujan. Selepas itu munculnya wabak yang sangat teruk sehinggakan ianya menimpa majoriti ahli Baghdad dan Baṣrah. Pada tahun 217, berlaku kebakaran yang sangat dahsyat berpunca daripada cuaca yang sangat panas. Pada tahun 225, berlaku gempa bumi yang teruk di al-Ahwāz sehinggakan gunung-ganang merekah. Semua fenomena alam ini sangat luar biasa sehingga mengingatkan kita kepada kedahsyatan kiamat.

Beralih kepada metodologi penulisan kitab, penulis mengamati Nu'aym Bin Ḥammād tidak menghadkan hadith-hadith *marfū'* sahaja. Sebaliknya, beliau sering membawakan riwayat-riwayat *mawqūf* dan *maqṭū'* juga. Bilangan riwayat-riwayat yang *marfū'* didapati sekadar 25% sahaja daripada jumlah keseluruhan hadith dalam kitab.<sup>35</sup> Selain itu, penulis mendapati beliau banyak memuatkan riwayat-riwayat *isrā' ilīyyāt* yang *diriwayatkan oleh* Ka'ab al-Aḥbār.<sup>36</sup> Menurut Mūsā Ismā'īl, terdapat sebanyak 355 riwayat daripada Ka'ab al-Aḥbār dalam kitab ini.<sup>37</sup> Daripada kesemua riwayat tersebut, hanya dua riwayat disandarkan kepada Nabi SAW, dan satu riwayat disandarkan kepada sahabat.<sup>38</sup>

Semua hadith yang terkandung dalam buku ini diriwayatkan dengan sanad namun tidak dinyatakan statusnya. Sanad-sanad tersebut seringkali mengandungi perawi lemah, majhul, dan mubham. Sebagai contoh, Nu'aym Bin Ḥammād meriwayatkan daripada al-Walīd daripada seorang syekh daripada al-Zuhrī yang berkata: "Ketika munculnya al-Sufyānī, tandanya akan terlihat di langit."<sup>39</sup> Selain itu, terdapat banyak juga hadith yang diriwayatkan secara *balaghāt*. Contohnya, Nu'aym Bin Ḥammād bahawa Ma'mar berkata, Qatādah berkata: telah sampai kepada kami bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Dia (iaitu al-Mahdī) hidup di sana selamat 7 tahun."<sup>40</sup>

<sup>32</sup> Lihat (Ḥājī Khalīfah, Muṣāfā Bin 'Abd Allah (1941), *Kasyf al-Zumūn*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah 2/1445, Ismā'īl Bin Muhammad Amīn al-Bābānī al-Baghdādī (1951) *Hadiyyah al-'Ārifīn*, Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, 2/498, *al-Risālah al-Mustafāfah*, 45.

<sup>33</sup> Al-Marwazī, Nu'aym Bin Ḥammād, *al-Fitan*, ed. Majdī Bin Maṣṣūr Bin Sayyid al-Syūrā, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 7.

<sup>34</sup> Mūsā Ismā'īl al-Basīt, *al-Aḥādīth al-Musnadah al-Marfū'ah Min Kitāb al-Fitan Li Nu'aym Bin Ḥammād*, t.tp.: t.pt., 37.

<sup>35</sup> Mūsā Ismā'īl al-Basīt, *al-Aḥādīth al-Musnadah al-Marfū'ah Min Kitāb al-Fitan Li Nu'aym Bin Ḥammād*, 45.

<sup>36</sup> Al-Dānī, 'Uthmān Bin Sa'īd (1994), *al-Sunan al-Wāridah Fi al-Fitan Wa Ghawā'ilihā Wa al-Sā'at Wa Asyrātihā*, Riḍā' Allah Bin Muḥammad Idrīs al-Mubārakfūrī, pnyt, Riyadh: Dār al-Āṣimat 147.

<sup>37</sup> Mūsā Ismā'īl al-Basīt, *al-Aḥādīth al-Musnadah al-Marfū'ah Min Kitāb al-Fitan Li Nu'aym Bin Ḥammād*, 54.

<sup>38</sup> *Ibid.*, 57.

<sup>39</sup> Al-Marwazī Nu'aym Bin Ḥammād (1991), *al-Fitan*, no. 624, Kaherah: Maktabah al-Tawḥīd, hlm 224.

<sup>40</sup> Al-Marwazī, *al-Fitan*, no. 1123, 376.

Justeru, dapat disimpulkan bahawa Nu`aym Bin Ḥammād tidak mensyaratkan hadith-hadith sahih Sahaja dalam kitab *al-Fitan*. Sebaliknya, sebuah kajian mendapati bahawa 60% daripada kesemua hadith *marfū`* di dalam kitab ini berstatus lemah dan palsu.<sup>41</sup> Berkenaan dengan ini, al-Dhahabī berkata: “Beliau menulis kita *al-Fitan* lalu membawakan riwayat-riwayat yang ganjil dan mungkar.”<sup>42</sup> Maslamah Bin Qāsim turut berkata: “Sesungguhnya dia (iaitu Nu`aym Bin Ḥammād) *ṣadūq* dan banyak silap dalam periwayatan. Dan dia juga memiliki banyak hadith-hadith *munkar* dalam *al-Malāḥim* yang mana dia bersendirian dalam meriwayatkannya.”<sup>43</sup>

Para sarjana kontemporari juga memberikan komentar mirip apa yang telah disebutkan oleh ahli hadith terdahulu. al-Bastawī berkata: “Aku telah mengkaji banyak riwayatnya dalam bab ini, maka aku dapati kebanyakannya hadith yang diriwayatkan olehnya secara bersendirian adalah lemah. Sesungguhnya dia telah beketerlaluan dalam mengumpulkan hadith tanpa membuat tapisan”<sup>44</sup>. Riḍā` Allah al-Mubārakfūrī turut berkata: “Mengenai periwayatan hadith palsu dan lemah, perkara ini telah dilakukan oleh al-Dānī, akan tetapi Nu`aym telah melampau dalam hal ini sehinggakan ianya menjadi penyebab beliau dikritik dan tidak dibuat hujah oleh para imam dalam bidang ini”<sup>45</sup>. Majdī al-Syūrā selaku *muḥaqqiq* kitab *al-Fitan* ini juga memberi komentar yang hampir sama. Beliau berkata: “Kitab ini dikira sebagai kitab yang terawal yang ditulis dalam bab *fitan* dan tanda-tanda akhir zaman. Dan sesungguhnya ia tidak sunyi daripada riwayat yang lemah, palsu dan *munkar*, dan dalam masa yang sama ia juga tidak sunyi dari faedah, boleh jadi jika ditapis, ditapis juga faedah-faedahnya”<sup>46</sup>.

Di samping itu, Syaraf Quḍāh ketika menerangkan kaedah berinkteraksi dengan hadith fitnah akhir zaman, dia berkata: “Membuat semakan terhadap kesahihan hadith, maka hendaklah memilih hadith-hadith *ṣaḥīḥ li dhātih*, *ṣaḥīḥ li lighayrih*, *ḥasan li dhātih*, dan *ḥasan li lighayrih*, dan tidak diterima hadith-hadith lemah dan palsu. Oleh itu, tidak diharuskan untuk berpegang dengan kitab-kitab yang banyak hadith lemah seperti kitab *al-Fitan* oleh Nu`aym Bin Ḥammād. Sesungguhnya Nu`aym banyak melakukan kesilapan khususnya dalam hadith-hadith *fitan* dan hadith-hadith yang beliau riwayatkan secara bersendirian”<sup>47</sup>.

## KESIMPULAN

Nu`aym Bin Ḥammād merupakan seorang tokoh penting dalam bidang hadith khususnya berkenaan fitnah akhir zaman. Beliau memainkan peranan penting dalam periwayatan hadith dan ikut serta dalam polemik akidah yang berlaku pada zamannya. Ahli hadith mengiktiraf kitab ini sebagai kitab pertama yang ditulis dalam bab fitnah akhir zaman dan ia memainkan peranan yang besar dalam bab ini. Secara dasarnya, para ulama mengambil berat karya beliau namun mengingatkan *untuk* berhati-hati dalam berhujah dengan hadith-hadith yang terkandung di dalamnya. Tapisan dan kajian perlu dilakukan untuk membezakan antara hadith yang sahih dan yang sebaliknya. Kritikan terhadap kitab ini menjadi bukti bahawa para ulama sejak awal lagi mengambil berat topik kepercayaan tentang akhir zaman. Mereka mementingkan kesahihan hadith-hadith yang berkaitan dengan topik ini untuk bidang periwayatan, pemeliharaan dan penyebaran bagi generasi seterusnya.

<sup>41</sup> Mūsā Ismā`īl al-Basīṭ, *al-Aḥādīth al-Musnadah al-Marfū`ah Min Kitāb al-Fitan Li Nu`aym Bin Ḥammād*, 73.

<sup>42</sup> Al-Dhahabī *Siyar A`lām al-Nubalā`*, 10/609.

<sup>43</sup> Al-`Asqalānī, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, 10/462.

<sup>44</sup> Azīm al-Bastawī, *al-Mahdīy al-Muntaẓar Fī Daw` al-Aḥādīth Wa al-Āthār al-Ṣaḥīḥah*, 121.

<sup>45</sup> Al-Dānī, *al-Sunan al-Wāridah Fi al-Fitan Wa Ghawā`ilihā Wa al-Sā`at Wa Asyrātihā*, Riḍā` Allah Bin Muḥammad Idrīs *al-Mubārakfūrīy*, 146.

<sup>46</sup> Al-Marwazī, *al-Fitan*, 5.

<sup>47</sup> Syaraf Maḥmūd Quḍāh, *Kharīṭah al-Mustaḡbah Fi al-Ḥadīth al-Nabawīy*, 7.

**RUJUKAN**

- Al-'Asqalānī, Ahmad Bin 'Alī Bin Ḥajar (1904), *Tahdhīb al-Tahdhīb*, Hyderabad: Dāirat al-Ma'ārif al-Nizāmiyyah.
- Al-'Asqalānī, Ahmad Bin 'Alī Bin Ḥajar (1986), *Taqrīb al-Tahdhīb*, Syria: Dār al-Rasyīd.
- Al-Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn (2000), *Qiṣṣah al-Masīh al-Dajjāl wa Nuzūl 'Isā AS wa Qatlih iyyāh*, Jordan: al-Maktabah al-Islāmiyyah.
- Al-Baghdādī, Abū Bakr Aḥmad Bin 'Alī Bin Thābit (1996), *Syaraf Aṣḥāb al-Ḥadīth*, Kaheerah: Maktabah Ibn Taymiyyah.
- Al-Baghdādī, Muḥammad Bin Sa'ad (1990), *al-Ṭabaqāt al-Kubrā*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Bastawī, 'Abd al-'Alīm 'Abd al-'Azīm (1999), *al-Mahḍiy al-Muntaẓar Fī Ḍaw' al-Aḥādīth Wa al-Āthār al-Ṣaḥīḥah*, Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- Al-Bustī, Muḥammad Bin Ḥibbān (1973), *al-Thiqqāt*, Hyderabad: Dā'rat al-Ma'ārif al-'Uthmāniyyah.
- Al-Dānīy, 'Uthmān Bin Sa'īd (1994), *al-Sunan al-Wāridah Fī al-Fitan Wa Ghawā'ilihā Wa al-Sā'at Wa Asyrātihā*, Riḍā' Allah Bin Muḥammad Idrīs al-Mubārakfūrīy, pnyt, Riyadh: Dār al-Āsimat.
- Al-Dhahabī Muḥammad Bin Aḥmad Bin 'Uthmān (1985), *Siyar A'lām al-Nubalā'*, Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Al-Dhahabīy Muḥammad Bin Aḥmad Bin 'Uthmān (1963), *Mīzān al-Itidal Fī Asmā' al-Rijāl*, Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Al-Jurjānī, Abū Aḥmad Bin 'Adī (1997), *al-Kāmil Fī Ḍu'afā' al-Rijāl*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Kattānī, Muḥammad Bin Ja'far (2018), *al-Risālah al-Mustaṭrafah*, Beirut: Dār al-Basyā'ir al-Islāmiyyah.
- Al-Marwazī, Nu'aym Bin Ḥammād, *al-Fitan*, Majdī Bin Manṣūr Bin Sayyid al-Syūrā, pnyt, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Marwazīy Nu'aym Bin Ḥammād (1991), *al-Fitan*, Kaheerah: Maktabah al-Tawḥīd.
- Al-Mizzī, Yūsuf Bin 'Abd al-Raḥmān Bin Yūsuf (1980), *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*, Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Al-Nasshār, 'Alī Shāmi (2013) *Nash'at al-Fikr al-Falsafī fī al-Islām*. Kaheerah: Dār al-Salām.
- Al-Rāzī, Ibn Abī Ḥātim (1952), *al-Jarḥ Wa al-Ta'dīl*, Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Al-Syahrāzūrī, Ibn Ṣalāḥ 'Uthmān Bin 'Abd al-Raḥmān (1986), *'Ulūm al-Ḥadīth*, Damsiyiq: Dār al-Fikr.
- Basisyār 'Awwād Ma'rūf, Syu'ayb al-Arnā'ūt (2015), *Tahrīr Taqrīb al-Tahdhīb*, Damsiyiq: Muassasah al-Risālah al-Nāsiyūrūn.
- Ḥājī Khalīfah, Muṣāfā Bin 'Abd Allah (1941), *Kasyf al-Zunūn*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn 'Abd al-Bar, Yūsuf Bin 'Abd Allah (1967), *Al-Tamhīd Limā Fī al-Muwaṭṭa' Min al-Ma'ānī Wa al-Asānīd*, Maghribi: Wizārah 'Umūm al-Awqāf Wa al-Syu'un al-Islāmīyyah.
- Ismā'īl Bin Muḥammad Amīn al-Bābānī al-Baghdādīy (1951) *Hadiyyah al-'Arīfīn*, Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Mawlāyi, Nūr al-Dīn (2014), *Aḥādīth al-Fitan Wa al-Malāḥim Wa Atharuhā Fī al-Aḥkām al-Syar'iyyah*, Tesis MA, Kulīyyah al-Ulūm al-Insāniyyah Wa al-Ḥaḍārah al-Islāmīyyah, Universiti Oran, Algeria.
- Misbahuddin (2018), *Problematika Cara Memahami Hadis Akhir Zaman dalam Pandangan Ahl Al-Sunnah wa al-Jamaah*, Ushuluna: Jurnal Ilmu Ushuluddin, vol. 4, no.2.
- Muḥammad Abū Zahrah (2012), *Uṣūl al-Fiqh*, Kaheerah: Dār al-Fikr al-'Arabīy.
- Muḥammad Rasyīd Bin 'Alī Riḍā (1990), *Tafsīr al-Manār*, Kaheerah: General Egyptian Book Organization.
- Muḥammad Sa'īd Ḥawā (2016) Manhaj al-Ta'āmul Ma'a Aḥādīth al-Fitan Wa al-Mustaqbal, *Mawqī' Faḍīlah al-Syaykh Sa'īd Ḥawā*. (Atas Talian) Kutipan daripada:  
<http://www.saidhawwa.com/Portals/Content/?info=YVdROU5qWXpKbk52ZFhKalpUMVRkV0pRWVdkbEpuUjVjR1U5TVNZPSt1.plx>
- Mūsā Ismā'īl al-Basīṭ, *al-Aḥādīth al-Musnadah al-Marfū'ah Min Kitāb al-Fitan Li Nu'aym Bin Ḥammād*, t.tp.: t.pt.
- Syaraf Maḥmūd Quḍah (2009), *Kharīṭah al-Mustaqbah Fī al-Ḥadīth al-Nabawīy*, t.tp.: t.pt.

- Umar Muhammad Noor (2021) *Hadith Sifat Polemik Takwil Dalam Sejarah Teologi Islam*, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Yūsuf Bin `Abd Allah Bin Yūsuf al-Wābil (1994), *Asyrāt al-Sā`ah*, Dammam: Dār Ibn al-Jawzīy.
- Zāhir Bin Muḥammad Bin Sa`īd al-Syahrīy (2008), *Mawqif Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā`ah Min Tanzīl Nuṣūṣ Wa Asyrāt al-Sā`ah*, Tesis Dr. Fal., Kuliyyah al-tarbīyyah, Universiti al-Malik Sa`ūd.